

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 JANUARY 2017

ISU SERAH JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA DAP

# Polemik jawatan TPM serlah sikap sebenar Kit Siang

BH - 27/1/2017

➔ Pendedahan Tun M bukti cubaan tikam belakang rakan pembangkang

**Rohaniza Idris dan Nadia Hamid**  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**endedahan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai hasrat Penasihat DAP, Lim Kit Siang mahu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri jika Pakatan Harapan (PH) menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) menyerlahkan sikap sebenar pemimpin pembangkang itu.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berikutan pendedahan Dr Mahathir itu, Kit Siang kini seperti cacing kepanasan dan cuba mengalih isu

dengan menyatakan tidak salah jika beliau mahu jadi Timbalan Perdana Menteri kerana ia tidak bertentangan Perlembagaan Persekutuan.

### Pakatan sulit

“Sedangkan isu dipersoalkan kini adalah mengenai wujudnya pakatan sulit yang membuktikan Dr Mahathir dan Kit Siang cuba menikam belakang rakan mereka khususnya PKR dan Parti Amanah Negara,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mohd Puad yang juga Ketua Pengerah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), turut mencabar Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Kit Siang membuat akuan bersumpah (SD) mereka berdua tidak akan jadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri jika PH menang PRU 14.

“Dr Mahathir sanggup jilat musuh lama bagi membolehkan Mukhriz menjadi Perdana Menteri manakala Kit Siang pula sanggup menjilat musuh ketatnya seperti PAS, MCA dan Gerakan semata mata untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Ke-

wangan,” katanya.

Sebelum ini bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mencabar Kit Siang membuat SD bagi menyatakan secara sah bahawa beliau akan menolak jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sekiranya PH yang diterajui DAP menang PRU akan datang.

### Usah kaitkan MCA

Seorang lagi Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan berkata, kenyataan Kit Siang mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri jelas membuktikan Ketua Ahli Parlimen DAP itu memang bercita-cita menjawat jawatan itu.

Katanya, terbukti pendedahan Dr Mahathir mengenai pemimpin DAP itu yang mahu jawatan terbabit adalah benar dan tidak perlulah MCA dikaitkan dengan isu berkenaan.

“Justeru, rakyat boleh menilai pemimpin bagaimana sebenarnya Kit Siang ini, seorang yang memang suka mengambil kesempatan, bersikap mahukan peha selepas diberikan betis dan menggunakan sentimen jawatan itu bagi meraih sokongan orang Cina

di negara ini,” katanya.

### Mainkan sentimen rakyat

Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai turut mendesak Dr Mahathir dan Kit Siang bersikap telus sekiranya benar memperjuangkan kepentingan rakyat. Beliau menyifatkan pasangan berkenaan memiliki agenda tersembunyi yang sukar diteloh umum demi kepentingan politik.

“Dr Mahathir dan Kit Siang banyak kali melakukan pusingan-U, menunjukkan mereka akan terus memanjangkan isu bukan untuk kepentingan rakyat dan membina masa depan negara.

“Mereka mainkan sentimen rakyat, akhirnya bila kedua-dua sesak nafas, mereka gunakan jalan pintas dan mudah, serang pelabur dari China, serang MCA jual kesetiaan kepada negara,” katanya selepas melancarkan kempen keselamatan jalan raya Anih Bhd, semalam.

Tiong Lai yang juga Menteri Pengangkutan turut menyifatkan Kit Siang sebagai oportunis (pandai ambil kesempatan) dan merujuk kepada latar belakangnya, seorang yang sanggup menggadai prinsip untuk berkuasa.